



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

---

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN  
2008  
TINGKATAN EMPAT

---

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi 40 soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di halaman 12.
3. **Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya. Jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan..
4. *Tulis nama dan tingkatan anda pada kertas jawapan di halaman 12.*
5. **Ceraikan jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.**

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

[Lihat sebelah  
**SULIT**

## Bahagian A

[ 40 markah ]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.

1. Manakah antara berikut bukan perkara yang membatalkan iman.

- A Sihir
- B Riddah
- C Syirik Jali
- D Syirik Khafi

- Boros berbelanja
- Enggan mengeluarkan zakat
- Menggunakan nikmat kejalan maksiat

Penyataan di atas menjelaskan tentang

- A Kufur nikmat
- B Kufur hakikat
- C Syirik Khafi
- D Syirik Jali

3. Mengapakah Allah SWT mengenakan hukuman yang amat berat kepada orang yang melakukan zina, liwat dan musahaqah.

- I Pengajaran kepada masyarakat
- II Meruntuhkan institusi perkahwinan
- III Pengajaran kepada orang yang melakukannya
- IV Perbuatan tersebut berluasa dalam masyarakat

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan III
- D II, III dan IV

4. Kenyataan yang paling tepat mengenai bahaya dadah kepada individu ialah

- A masyarakat menjadi mundur
- B menggugat keamanan negara
- C menjatuhkan maruah umat Islam
- D menjerus kepada kegiatan jenayah

5. Berikut adalah kesan daripada perbuatan kufur **kecuali**,

- A amalan kebaikan tidak diterima Allah
- B dimasukkan ke dalam neraka
- C ganjaran pahala terhapus
- D tidak dihormati oleh masyarakat

6. Antara yang berikut, bandingan haji dan umrah yang manakah **benar** ?

BIL	HAJI	UMRAH
I	Dilakukan pada masa tertentu	Boleh dilakukan pada bila-bila masa
II	Ada wukuf	Tiada wukuf
III	Dam dikenakan pada kesalahan haji sahaja	Tidak dikenakan dam
IV	Ada tawaf widak	Tiada tawaf widak

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Hukum membahagikan daging korban kepada orang kafir ialah

- A wajib
- B harus
- C haram
- D makruh

Sebuah syarikat boleh beroperasi apabila dua orang saksi atau lebih bergabung untuk menjalankan perniagaan. Modal syarikat boleh di dapati daripada tiga sumber **kecuali**

- A pinjaman
- B penjamin
- C pemegang saham
- D keuntungan syarikat

Pilih kenyataan yang **benar** mengenai ibadat korban.

- A Sunat diberi daging setelah dimasak manis
- B Ibadat yang dilakukan sebelum hari raya haji
- C Haram dagingnya dimakan oleh orang yang berkorban
- D Sepertiga daripada daging korban diberi kepada fakir miskin

10 Berikut merupakan perkara sunat semasa sembelihan iaitu

- I Menyebut nama Allah
- II Menyembelih di pangkal leher
- III Melakukan sembelihan di siang hari
- IV Menampakkan alat sembelihan kepada binatang lain.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

11 Urat yang manakah harus diputuskan ketika melakukan sembelihan ?

- I Urat haikum
  - II Urat merah
  - III Urat leher
  - IV Urat nadi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَاللَّحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهَلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ .....

(al Maidah : 3 )

12 Potongan ayat di atas merupakan dalil bagi

- A Zakat
- B Akikah
- C Korban
- D sembelihan

13 Bilakah bermulanya miqat zamani bagi ibadat haji ?

- A 1 Syawal hingga 10 Zulhijjah
- B 10 Syawal hingga 10 Zulhijjah
- C 1 Zulhijjah hingga 30 Zulhijjah
- D 1 Zulhijjah hingga 10 Zulhijjah

14. Tindakan Saidina Ali memecat Muawiyah daripada jawatan gabenor di Syam menyebabkan berlaku.
- A Peperangan Tabuk dan Majlis Syura
  - B Peperangan Siffin dan Majlis Syura
  - C Peperangan Tabuk dan Majlis Tahkim
  - D Peperangan Siffin dan Majlis Tahkim

Sumbangan dan tindakan khalifah X

- Melaksanakan hukuman dengan adil
- Memecat pegawai yang kurang cekap
- Menghapuskan cukai jizyah daripada golongan Mawali
- Membina masjid serta memberi tumpuan kepada kebajikan rakyat

15. Khalifah Kerajaan Umaiyah yang bertanda X di atas merujuk kepada

- A Al-Walid bin Yazid
- B Umar bin Abdul Aziz
- C 'Abdu' Malik bin Marwan
- D Muawiyah bin Abu Sufian


16. Berikut merupakan faktor kegemilangan tamadun Islam di zaman Kerajaan Bani Umaiyah kecuali

- A Penguasaan ilmu pengetahuan
- B Kecekapan dan kebijaksanaan khalifah
- C Rakyat cintakan keamanan dan kemajuan
- D Perhubungan baik antara kerajaan dan rakyat

- Mendapat pendidikan yang baik sejak kecil daripada ibunya
- Menghafaz kitab-kitab yang ditulis oleh Ibnu Mubarak dan Waki' ketika berumur 16 tahun
- Mula menulis kitab hadis daripada para sahabat dan perawi hadis ketika berumur 18 tahun

17. Keterangan di atas menerangkan tentang pendidikan

- A Imam Maliki
- B Imam Syafie
- C Imam Hanafi
- D Imam Bukhari



18. Siapakah X dalam rajah di atas?

- A Imam Syafie
- B Imam Bukhari
- C Imam Ghazali
- D Imam Ahmad bin Hanbal

- Bertimbang rasa dengan pengguna lain
- Melaporkan kerosakan kepada pihak berkuasa
- Menggunakannya mengikut peraturan yang telah disediakan

19. Pernyataan di atas mengenai adab

- A Berekreasi
- B Bermusafir
- C Memelihara alam
- D Menjaga kemudahan awam

(ال عمران: 191)

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ .....

Maksudnya: orang yang menyebut dan mengingati Allah SWT semasa mereka berdiri, duduk dan berbaring ( mengiring ) .....

20. Antara yang berikut yang manakah pernyataan yang paling tepat merujuk kepada ayat di atas?


- A Berzikir boleh dilakukan di masjid
- B Berzikir boleh dilakukan selepas solat
- C Berzikir boleh dilakukan pada waktu malam
- D Berzikir boleh dilakukan di mana-mana sahaja.

Soalan 21 hingga soalan 40 .

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

21. \_\_\_\_\_ ialah perbuatan menyamakan Allah SWT dengan makhluknya.

Soalan 22 dan Soalan 23 berdasar carta di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



24. Pada zaman Kerajaan Bani Umayyah, selain daripada masjid, \_\_\_\_\_ juga dijadikan tempat penyebaran ilmu pengetahuan.

25. \_\_\_\_\_ ialah suatu barangan bernilai yang dicagarkan oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman.

26. Saya jual rumah ini kepada awak, sekiranya saya berjaya memegang jawatan Pengarah dalam syarikat tersebut. Jual beli ini dikategorikan sebagai jual beli \_\_\_\_\_


27. Tawaf yang wajib ditunaikan oleh orang yang hendak meninggalkan Mekah dinamakan \_\_\_\_\_

- Kemaskini angkatan tentera dengan meniru corak gerakan tentera Parsi
- Membahagikan tentera kepada lima pasukan
- Angkatan perang dilengkapi dengan peralatan canggih
- Berlatih perang pada musim sejuk dan panas

28. Pernyataan di atas adalah usaha di bidang ketenteraan kerajaan Bani Umayyah yang dimulakan sejak Khalifah \_\_\_\_\_

29 Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah mewujudkan Dewan \_\_\_\_\_ untuk mentadbir hal ehwal ketenteraan.

Soalan 30 dan soalan 31 berdasarkan carta di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



32 Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji diikuti dengan mengerjakan haji dinamakan sebagai haji \_\_\_\_\_.

33 Kekuatan ekonomi negara semasa pemerintahan Bani Umayyah bergantung kepada \_\_\_\_\_ dan perdagangan.

34 Kota \_\_\_\_\_ terkenal sebagai pusat penyebaran ilmu semasa pemerintahan Kerajaan Bani Umayyah.

Soalan 35 dan Soalan 36 berdasarkan jadual di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul

Pasukan tentera Kerajaan Bani Umayyah	Qalbul Jaisy
	Al- Maimanah ( sayap kanan )
	Al- Maisarah ( sayap kiri )
	35.
	36.

Dapatkan Skema jawapan di www.banksoalanspm.com



- 37 Imam Al-Ghazali pernah menjadi tenaga pengajar di Universiti \_\_\_\_\_, Baghdad dan Naisabur.
- 38 Hadis– hadis yang terkandung di dalam kitab Sahih Bukhari adalah hadis \_\_\_\_\_ yang boleh dijadikan hujah.
- 39 Perbuatan \_\_\_\_\_ disebabkan berasa kesal terhadap kematian adalah haram dan ia boleh menyiksa diri si mati di dalam kubur.

- Warna putih adalah warna kesukaan
- Seorang yang mementingkan kebersihan
- Seorang yang pendiam , suka berfikir dan tegas menentang kemungkaran

- 40 Sifat peribadi di atas merujuk kepada Imam \_\_\_\_\_

**Bahagian B**

[ 60 markah ]

Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya

- 1 (a) Riba merupakan perkara yang haram dan berdosa besar di sisi Islam
- (i) Senaraikan **dua** jenis riba. [ 2 markah ]
- (ii) Terangkan **dua** cara untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan amalan riba. [ 4 markah ]
- (iii) Jelaskan **dua** hikmat pengharaman riba terhadap individu muslim [ 4 markah ]
- (b) Firman Allah SWT yang bermaksud : Wahai orang-orang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha. [Surah al-Tahrim : ayat 8]
- (i) Nyatakan pengertian taubat nasuha [ 2 markah ]
- (ii) Senaraikan **empat** syarat taubat yang diterima oleh Allah. [ 4 markah ]
- (iii) Terangkan **dua** hikmat kita disuruh bertaubat apabila melakukan dosa. [ 4 markah ]
- 2 (a) Sewa merupakan muamalat yang bertujuan memudahkan seseorang memiliki barang yang diperlukan.
- (i) Nyatakan **dua** rukun sewa. [ 2 markah ]
- (ii) Bilakah tamat kontrak sesuatu sewaan ? [ 2 markah ]
- (iii) Jelaskan **dua** hikmat sewa. [ 4 markah ]
- (b) Bercukur merupakan rukun keenam ibadat haji.
- (i) Apakah maksud bercukur? [ 2 markah ]
- (ii) Bilakah waktu bercukur yang afdal bagi jemaah haji ? [ 2 markah ]
- (ii) Nyatakan **dua** hikmat bercukur. [ 4 markah ]
- (c) Nyatakan hukum serta alasan bagi permasalahan berikut:
- (i) Encik Muzammil telah menubuhkan sebuah syarikat menjual kereta terpakai yang berkongsi bersama rakannya yang bukan Islam. [ 2 markah ]
- (ii) Pn.Izzati telah berniat ihram haji di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dalam perjalanan menuju ke Mekah. [ 2 markah ]

- 3 (a) Khalifah kerajaan Bani Umayyah telah melakukan pelbagai usaha meningkatkan perkembangan tamadun Islam.
- (i) Apakah usaha yang dilakukan oleh para khalifah Bani Umayyah untuk memajukan sektor pertanian negara? [ 4 markah ]
- (ii) Nyatakan bentuk hutang yang diberikan kepada anggota tentera untuk memperkemaskan sistem pertahanan negara. [ 2 markah ]
- (b) Imam al-Ghazali adalah seorang tokoh pemikir Islam yang terkemuka .
- (i) Nyatakan dua sifat peribadi beliau . [ 2 markah ]
- (ii) Terangkan dua pengajaran yang boleh dicontohi daripada keperibadian beliau dalam pembentukan akhlak muslim . [ 2 markah ]
- (c) (i) Jelaskan maksud amar makruf nahi munkar . [ 2 markah ]
- (ii) Nyatakan dua kaedah atau teknik yang perlu diamalkan ketika melakukan amar makruf nahi munkar. [ 4 markah ]
- (iii) Terangkan dua kepentingan melaksanakan amar makruf nahi munkar terhadap masyarakat dan negara. [ 4 markah ]
- (a) (i) Jelaskan dua faktor kejatuhan kerajaan Bani Umayyah . [ 4 markah ]
- (ii) Apakah peranan generasi sekarang untuk mengembalikan kegemilangan tamadun Islam . [ 2 markah ]
- (b) Imam al-Bukhari memberi sumbangan yang besar dalam ilmu hadis .
- (i) Terangkan faktor kejayaan beliau dalam bidang ilmu hadis. [ 4 markah ]
- (ii) Nyatakan usaha-usaha beliau dalam menghasilkan kitab sahih al-Bukhari [ 2 markah ]
- (c) Orang Islam hendaklah menjaga adab terhadap Allah SWT dan Rasulullah SAW dalam menjalani kehidupan harian.
- (i) Mengapakah umat Islam dikehendaki menjaga adab terhadap Rasulullah SAW? [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan dua ganjaran Allah terhadap mereka yang sentiasa beradab dengan Rasulullah SAW . [ 4 markah ]
- (iii) Bagaimanakah cara seseorang muslim mencintai dan mengasihi Rasulullah SAW. [ 2 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**